

D378

U B975 BAH

MAHATHIR-EKONOMI

KUALA LUMPUR, 4 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATI RAKYAT SUPAYA TIDAK IRIHATI ATAU MEMBUAT TUDUHAN MELULU TERHADAP USAHA MANA-MANA PIHAK YANG MENCUBA MEMAJUKAN SESUATU PERUSAHAAN ATAU PERNIAGAAN DALAM NEGARA.

INI KERANA JIKA MEREKA BERJAYA BERMAKNA KITA TURUT MENUMPANG NIKMAT KEJAYAAN ITU,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN RESTORAN NELAYAN TERAPUNG, TASIK TITIWANGSA DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA SESIAPA PUN TIDAK HARUS MEMPERSOALKAN SIAPAKAH YANG UNTUNG BESAR DARIPADA KEJAYAAN ITU KERANA YANG PENTING KEUNTUNGANNYA DIKONGSI BERSAMA DAN IA MEMBANTU MENGGERAKKAN AKTIVITI EKONOMI DALAM NEGARA.

BELIAU BERKATA DALAM KEADAAN HARGA EKSPORT UTAMA NEGARA MEROSOT, MAKA AKTIVITI EKONOMI DALAM NEGARA PERLU DIPERTINGKATKAN.

+LEBIH MUDAH KITA SENDIRI MENGUASAI KEADAAN EKONOMI DALAM NEGARA KERANA SECARA LANGSUNG KITA DAPAT MEMPERKUKUHKAN KEADANNYA TANPA BERGANTUNG SEPENUHNYA DARIPADA PASARAN LUAR,+ KATANYA. -- LAGI.
1555MST 04 05 86

D384

R B976

MAHATHIR-EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEGUR SIKAP SESETENGAH PIHAK YANG HANYA MEMENTINGKAN DIRI MEMAJUKAN PERNIAGAAN MASING-MASING DAN LANGSUNG TIDAK BERMINAT MEMBANTU PERUSAHAAN ORANG LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI CONTOH BAGAIMANA NEGARA-NEGARA MAJU YANG DULUNYA BERUSAHA DALAM KEADAAN KEMISKINAN, KINI BERJAYA MEMBUKA SYARIKAT-SYARIKAT GERGASI SELURUH DUNIA.

+MEREKA BERMULA DENGAN PERNIAGAAN ATAU PERUSAHAAN YANG KECIL TETAPI BERSAMA-SAMA BERTANGUNGJAWAB MEMAJUKANNYA.

+TIDAK SEPERTI SESETENGAH PIHAK DALAM NEGARA YANG LEBIH BERPUASHATI DENGAN MEMBUKA PERUSAHAAN ATAU PERNIAGAAN KECIL-KECILAN TANPA BERUSAHA MEMPERKEMBANGKANNYA DAN MENGELAKKAN DIRI MEMBANTU ORANG LAIN,+ TEGAS BELIAU.

BELIAU BERKATA KERAJAAN SENTIASA MENGHARAPKAN SETIAP PERUSAHAAN DAN PERNIAGAAN YANG DIUSAHAKAN OLEH ANAK-ANAK TEMPATAN ITU BERJAYA SEPERTI YANG DICITA-CITAKAN DI BAWAH KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA. -- LAGI.

1606MST 04 05 86

D380

U B977 BAH

MAHATHIR-EKONOMI 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI USAHA MENGADAKAN PELBAGAI KEMUDAHAN PADA TAMAN-TAMAN REKREASI SEKITAR IBUKOTA, PERDANA MENTERI BERKATA HASILNYA SETAKAT INI MEMBANGGAKAN.

BUKAN SAHAJA TAMAN-TAMAN TUMPUAN ORANG RAMAI YANG DIPERINDAHKAN, MALAH IBUNEGARA TELAH MENJADI TAMAN KOTA YANG DAPAT DIBANGGAKAN OLEH SETIAP RAKYAT DAN MENARIK MINAT PARA PELANCONG, KATANYA.

BELIAU BERKATA KUALA LUMPUR KINI TIDAK LAGI MERUPAKAN KAWASAN PANAS KERANA IA TELAH +DISEJUKKAN+ DENGAN LINDUNGAN POKOK-POKOK YANG MEMENUHI KAWASAN SEKITARNYA. -- BERNAMA
1558MST 04 05 86